

SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

TM. 125/2026

22 APRIL 2026

TAWARAN ISTIMEWA HOTEL SEMPENA SAMBUTAN HARI PEKERJA SEDUNIA DAN RAIN RAVE FESTIVAL MUZIK AIR 2026

KUALA LUMPUR — Bersempena dengan Sambutan Hari Pekerja Sedunia dan Festival Rain Rave Water Music 2026 yang dijadualkan berlangsung dari 30 April hingga 2 Mei 2026, hotel-hotel terpilih di seluruh Malaysia menawarkan promosi penginapan eksklusif bagi merencanakan aktiviti pelancongan sepanjang tempoh perayaan tersebut.

Bagi menyokong Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026), sejumlah 79 buah hotel di seluruh negara mengambil bahagian dengan menawarkan diskaun sehingga 70 peratus. Promosi ini boleh ditempah mulai 29 April hingga 3 Mei 2026, sekali gus memberikan pilihan menarik kepada pelawat yang merancang percutian singkat.

Hotel-hotel yang mengambil bahagian turut menawarkan pelbagai pakej, termasuk kadar bilik istimewa serta pakej gabungan, bagi menyokong peningkatan perbelanjaan pelancongan di samping merangsang pergerakan pelancong ke destinasi-destinasi utama negara. Maklumat lanjut berkenaan tawaran oleh hotel-hotel yang terlibat boleh dilayari di: <https://www.malaysia.travel/deals/world-labour-day-celebration-cum-rain-rave-water-music-festival-2026>.

Usaha kolaboratif antara sektor pelancongan ini mencerminkan pendekatan strategik dalam memperkukuh ekosistem pelancongan negara serta memperluas manfaat kepada penggiat industri melalui penganjuran acara berskala besar.

Pelawat boleh menikmati tawaran ini dengan menggunakan kod promosi **VM2026TWD** ketika membuat tempahan melalui laman web rasmi hotel atau secara terus dengan hotel-hotel yang mengambil bahagian.

Festival Rain Rave Water Music 2026, yang berlangsung selama tiga hari, menampilkan gabungan muzik, budaya dan gaya hidup kontemporari di tengah-tengah bandar. Festival ini menawarkan platform yang unik kepada pelawat antarabangsa untuk merasai sendiri kepelbagaian serta keunikan Malaysia.

Inisiatif ini menyokong usaha berterusan Malaysia dalam memperkukuh sektor pelancongan negara serta memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang menawarkan pengalaman budaya yang unik menerusi VM2026.

Maklumat lanjut termasuk senarai hotel yang terlibat serta butiran pakej boleh didapati melalui kempen infografik rasmi atau di www.malaysia.travel.

-TAMAT-

Tourism Malaysia

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa.

Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026) menekankan komitmen Malaysia terhadap pembangunan pelancongan mampan, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDGs). Kempen ini bertujuan untuk mengetengahkan kepelbagaian tarikan semula jadi, kekayaan warisan budaya, serta tawaran pelancongan negara yang dinamik, di samping memacu pertumbuhan inklusif dan nilai jangka panjang buat komuniti setempat serta pemain industri.

Untuk maklumat lanjut, layari laman web Tourism Malaysia di www.tourism.gov.my serta akaun media sosial rasmi di [Facebook](#), [Instagram](#), [X](#), [YouTube](#), dan [TikTok](#).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Mohd Akbal Setia

Pengarah Kanan

Bahagian Pengiklanan dan Digital

& Ketua Sekretariat Visit Malaysia 2026

akbalsetia@tourism.gov.my

Tel: +603 8891 8700

Norshariza binti Mohd Saad

Timbalan Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

norshariza@tourism.gov.my

Tel: +603 8891 8775

